



BH
20/9/2015
MIS04 - 09

Tragedi hitam di

» 3,000 jemaah haji meninggal dunia dalam masa 20

Susunan Hazirah Che Sab
hazirah@bh.com.my

Selabelas hari menjelang wukuf di Arafah, pada tarikh 11 September 2015, dunia Islam khususnya dikejutkan dengan tragedi menyayat hati di Tanah Haram - Makkah - dalam tempat paling suci - Masjidilharam - apabila kren yang digunakan untuk kerja pembinaan meluaskan tempat ibadat itu tumbang berikutan angin kencang dan ribut pasir.

Dalam kejadian itu, 111 jemaah haji pelbagai negara termasuk enam dari Malaysia disahkan terkorban manakala 402 lagi cedera.

Jemaah tempatan, Iran, Nigeria, Malaysia, Indonesia dan India antara yang maut dalam apa yang dianggap kemalangan berkaitan haji terburuk sejak beberapa tahun lalu.

Menteri Kesihatan Arab Saudi, Khaled al-Falih berkata Khamis lalu, sembilan mangsa masih belum dikenal pasti dengan tambahan dua mayat masih berada dalam runtuhan kren gergasi yang tumbang.

Kejadian itu mencatat satu lagi sejarah hitam di Tanah Haram yang 'tercemar' dengan kemalangan membawa maut menimpa jemaah haji.

Bermula pada musim haji tahun 1975, seramai 138 jemaah terkorban dalam tragedi yang berdarah.



Tragedi runtuhan kren terbaru dalam rentetan insiden di Tanah Suci.

seorang jemaah yang berdepan tragedi itu, Mohammed Rashid.

Kejadian berpunca daripada letupan gas memasak dalam khemah yang sebahagiannya menempatkan jemaah Turki dan Nigeria.

Kemalangan tidak diduga

Sejak awal tahun 1990 an, musim haji memberi khabar duka kepada saudara mara jemaah dengan kemalangan tidak diduga dengan ada antaranya disebabkan kecuaiannya manusia sendiri.

Kira-kira 3,000 jemaah haji meninggal dunia dalam masa 20 tahun akibat tragedi yang berdarah.

dalam kejadian rempuhan di Terowong Al Muassim, kebanyakannya dari Malaysia, Indonesia dan Pakistan.

Angka korban itu adalah yang tertinggi setakat ini dalam satu bencana di Makkah.

Saksi berkata, tragedi berlaku apabila sebahagian jemaah tiba-tiba berhenti di tengah terowong dilengkapi pendingin hawa itu namun sebaliknya keadaan kelam kabut berlaku di luar dengan orang ramai saling bertolak untuk mengelak kepanasan mencecah 44 darjah Celsius.





dan 151 cedera dalam kejadian letupan gas diikuti kebakaran di khemah jemaah haji di Mina.

“Kebakaran adalah antara perkara paling ditakuti yang tidak mahu anda dengar ketika berada dalam khemah di Mina,” kata salah

tahun akibat tragedi rempuhan, demonstrasi dan kebakaran serta seorang maut apabila bom meletup berhampiran Masjidilharam pada tahun 1989.

Pada 2 Julai 1990, dunia Islam meratapi kematian 1,426 jemaah

Jemaah terhimpit, lemas

Menurut saksi lagi, orang ramai saling merempuh, menyebabkan ratusan jemaah terhimpit dan lemas.

Terowong berkenaan hanya mampu menampung 1,000 orang pada satu masa namun pada hari kejadian, kehadiran mencecah 5,000 jemaah.

Makkah

tahun akibat pelbagai insiden

Empat tahun kemudian, pada 23 Mei 1994, rempuhan sekali lagi meragut 270 nyawa. Cuma kali ini ia berlaku di tempat melontar Jamrah.

Kejadian rempuhan sekali lagi berulang pada 9 April 1998 dan kali ini mengorbankan sekurang-kurangnya 118 jemaah di Jambatan Jamrah.

Ia terus berlaku pada tahun berikutnya dan musim haji tahun 2004 menyaksikan 251 jemaah maut dirempuh ketika melontar di Mina.

Kejadian rempuhan pada 12 Januari 2006 juga ketika melontar di Mina meragut sekurang-kurangnya 346 nyawa dan mencederakan 289 lagi. Kejadian berlaku sejurus selepas jam 1.00 petang waktu tempatan apabila bas dipenuhi jemaah haji tiba serentak di pintu masuk timur ke Jambatan Jamrah.

Ia menyebabkan jemaah terjatuh dan dipijak. Dianggarkan dua juta umat Islam dari seluruh dunia melakukannya rukun haji ketika itu.

Berikutan itu, Jambatan Jamrah dan tiang yang mewakili syaitan dimusnahkan dan dibina semula. Jambatan bertingkat dan lebih lebar dibina dan ruang lebih besar menggantikan jamrah sedia ada.

Kini, setiap tingkat jambatan membolehkan kemasukan lebih mudah dan selamat.

Pada 15 April 1997, 343 jemaah maut dan 1,500 lagi cedera apabila khemah yang diduduki mereka ter-

terletak berhampiran Masjidilharam runtuh dan laporan menyebut 76 jemaah umrah meninggal dunia dalam kejadian itu manakala 64 lagi cedera.

Namun, hotel itu dilapor masih menempatkan jemaah musim haji tahun berkenaan.

Jawatankuasa penyiasat dalam kejadian terbaru, mendapati kren berkenaan tidak berada pada kedudukan betul ketika kejadian dan kerajaan sudah mengenakan sekatan kepada Kumpulan Saudi Binladin yang bertanggungjawab menguruskan kerja meluaskan masjid itu.

Angin kencang turut dikatakan punca kren berkenaan tumbang sekali gus menimpa jemaah haji yang sedang beribadat dalam masjid berkenaan.

Ketua Direktorat Pertahanan Awam Arab Saudi, Suleiman bin Abdullah al-Amro memberitahu, angin kencang luar biasa turut menumbangkan pokok dan papan tanda ketika ribut pada hari kejadian.

Pemerintah Arab Saudi, Raja Salman, segera mengumumkan bayaran pampasan SR1 juta (RM1.13 juta) kepada keluarga setiap mangsa yang meninggal dunia dan mengalami kecacatan kekal berikutan kejadian itu.

Sementara SR500,000 (RM565,000) lagi dibayar kepada mangsa yang cedera.



Kebakaran di Mina pada 1997 meragut 343 nyawa jemaah.



Gambar diambil pada 1979 ketika militan **menawan Masjidilharam** sehingga mengorbankan 400 jemaah

INFO BENCANA LAIN

- ⊙ **20 November 1979:** Militan menawan Masjidilharam dan menjadikan jemaah antara tebusan yang menyebabkan kematian 255 jemaah haji, tentera dan militan. Krisis berakhir dua minggu kemudian.
- ⊙ **31 Julai 1987:** Lebih 400 jemaah maut dan ribuan lagi cedera dalam pertempuran antara penunjuk perasaan Iran dan pasukan keselamatan Arab Saudi.
- ⊙ **9 Julai 1989:** Dua bom meletup, mengorbankan seorang jemaah dan mencederakan 16 lagi.

bakar.

Berikutan bencana itu, khemah untuk kegunaan jemaah haji dibina kalis api.

Kejadian runtuh Jumaat minggu lalu bukan yang pertama berlaku di Makkah kerana pada 5 Januari 2006, Hotel Al-Ghaza yang

Menteri Dalam Negeri Arab Saudi, Putera Mohammed Nayef memberi jaminan, keselamatan jemaah tetap menjadi keutamaan negara itu dan insiden kren tumbang tidak akan menjejaskan musim haji tahun ini yang menyaksikan lebih 1.2 juta jemaah berkumpul di Makkah.



Kejadian rempuhan ketika melontar berlaku apabila jemaah tiba serentak di pintu masuk timur ke Jambatan Jamrah.



Keadaan kelam kabut berlaku di luar dengan orang ramai saling bertolak untuk mengelak kepanasan mencecah 44 darjah Celsius dalam kejadian rempuhan Terowong Al-Muassim.